

Abdullah: Ahli perniagaan Malaysia, Jepun perlu tingkat kerjasama semua sektor

KUALA LUMPUR 20 Mac - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyarankan supaya kerjasama antara ahli perniagaan Malaysia dan Jepun dipereratkan lagi dalam pelbagai sektor.

Beliau berkata, ini seiring dengan hubungan diplomatik kedua-dua negara yang telah terjalin selama 50 tahun.

Secara kebetulan, persidangan tahun ini juga menandakan 50 tahun hubungan diplomatik Malaysia-Jepun. Hubungan

UM-21/3/07
diplomati ini kemudiannya membawa kepada pembentukan Majeca (Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun) dan Jameca (Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia) pada 1977," kata beliau.

Abdullah berkata demikian dalam perutusannya kepada kira-kira 300 peserta Persidangan Tahunan Bersama ke-27 Majeca-Jameca, di sini hari ini.

Sejak pembentukan kedua-dua organisasi berkenaan pada 20 tahun lalu, beliau berkata, kedua-dua negara telah

memulakan pelbagai program yang terus meningkatkan kerjasama.

"Pada masa depan, saya rasa kedua-dua organisasi ini akan terus memperluaskan kerjasama mereka dengan lebih lagi.

"Dengan tumpuan organisasi bermula dengan perdagangan, ia kini berkembang untuk merangkumi pelaburan, pemindahan teknologi serta pelbagai industri perkhidmatan," kata Abdullah.

Perutusan beliau itu dibacakan oleh Naib Presiden Majeca, Tan Sri Thong

Yaw Hong.

Abdullah berkata, beliau gembira dengan peranan aktif Majeca dalam menggalakkan usaha sama antara perusahaan kecil dan sederhana Jepun (PKS) dan syarikat Malaysia.

"Kerajaan sentiasa memberi tumpuan yang aktif dalam membangunkan PKS serta terus menyediakan dasar yang cergas untuk meningkatkan peranan PKS dalam pembangunan ekonomi," kata beliau.

- Bernama